

29 JUL 1996

Mahathir - Pelancongan

PERDANA MENTERI MAHU SEKTOR SWASTA LABUR LEBIH BESAR

LANGKAWI, 29 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata sektor swasta tidak seharusnya bimbang membuat pelaburan yang besar dalam industri pelancongan negara ini kerana ia berpotensi cerah.

Beliau berkata, sebagai peniaga mereka harus bersedia menghadapi sebarang risiko terhadap pelaburan yang dibuat.

"Kita perlu melaburkan wang yang banyak jika ingin maju kerana pelaburan yang kecil selalunya hanya membawa kegagalan,".

"Dalam pada itu kita perlu sanggup menghadapi risiko dan disinilah kekuatan modal menjadi faktor terpenting sebelum datangnya sebarang kejayaan," katanya semasa merasmikann Hotel Sheraton Perdana di Kuah di sini.

Dengan menjadikan sejarah hotel itu sebagai rujukan ucapannya, Dr Mahathir berkata kesediaan Renong Berhad melalui syarikat miliknya Kumpulan Faber Berhad melaburkan berjuta ringgit untuk "menghidupkannya" perlu dicontohi.

Dr Mahathir berkata hotel itu yang dahulunya dikenali sebagai Langkawi Island Resort merupakan hotel pertama di Langkawi yang menurutnya dibina seperti untuk melepaskan batuk di tangga.

"Tujuan mereka yang membina hotel ini dahulu hanyalah untuk dijadikan landasan bagi mendapatkan kemudahan di tempat lain iaitu lesen judi,".

"Tetapi apabila mereka tidak mendapat apa yang dihajati, mereka menjadi kurang minat untuk menumpukan perhatian kepada hotel yang telah dibina yang kemudian dibeli oleh Kerajaan," katanya.

Dr Mahathir berkata selepas beberapa ketika hotel itu bertukar tangan dan akhirnya jatuh kepada Renong Berhad yang dengan penuh yakin melaburkan RM120 juta untuk memberi muka baru kepadanya.

"Dan sekarang hotel ini mempunyai taraf lima bintang dan keyakinan seperti yang dimiliki syarikat inilah yang kita mahu," kataya.

Terdahulu dalam ucapan aluannya, pengerusi Kumpulan Faber Berhad, Abdullah Mohamad Yusof berkata syarikat itu merancang untuk menambah pelaburan bagi menggunkakan sepenuhnya tapak hotel berkenaan.

Katanya, setakat ini hanya kira-kira 22 hektar daripada keluasan sepenuhnya kawasan hotel itu telah digunakan. Hotel itu yang terletak menghadap Teluk Langkawi mempunyai keluasan kira-kira 30 hektar.

Beliau berkata kerja mengubah-suai keseluruhan hotel itu yang kini mempunyai 204 bilik mengambil masa kira-kira setahun dan dibuka secara tidak rasmi pada penghujung tahun lepas.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah isteri Perdana Menteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali, Menteri Besar Kedah Datuk Seri Sanusi Junid dan Ketua Eksekutif Renong Bhd Tan Sri Halim Saad.

-- BERNAMA

ZAA FAZ